

Perkasa kepakaran tempatan tangani isu siber

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bekerjasama rapat dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) selepas sistem syarikat berkenaan digodam.

Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Perdana Menteri mengingatkan semua pihak untuk memperkasakan keupayaan dalam kalangan pakar tempatan bagi mengelak kebergantungan penuh terhadap sumber kepakaran asing dalam isu itu.

Katanya Perdana Menteri menekankan isu itu mustahak ditangani bagi memastikan bukan sahaja dapat menjamin keyakinan pelabur bahkan rakyat terhadap reputasi negara ini,

“Perdana Menteri mengingatkan semua pihak supaya tidak menyebarkan maklumat tidak sah dan hanya merujuk kepada sumber rasmi bagi mendapatkan perkembangan terkini.

“Insiden ini menunjukkan keupayaan tempatan mengendali insiden keselamatan siber harus sentiasa pada tahap terbaik. Kerjasama pasukan kerajaan dan industri harus seiring agar keupa-

yaan menjaga infrastruktur kritikal negara daripada ancaman pada tahap tinggi,” katanya pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) Facebook PMO Malaysia, semalam.

Dalam perkembangan lain, Tunku Nashrul, berkata Anwar berharap segala ikhtiar dan pelbagai bantuan kepada rakyat dapat membantu mereka membuat persiapan Aidilfitri.

Katanya, sepanjang Ramadan khususnya menjelang Aidilfitri tidak lama lagi, Kerajaan MADANI mengumumkan beberapa bantuan, pemberian dan inisiatif untuk manfaat rakyat.

“Pertama, Kerajaan MADANI telah awalkan pemberian Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2. Dengan jumlah penerima hampir sembilan juta rakyat, sebanyak RM1.7 bilion diperuntukkan Kerajaan MADANI dengan tarikh pembayaran disalurkan mulai Isnin lalu.

“Kedua, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) untuk Penjawat Awam Gred 15 ke bawah, di mana mereka menerima bayaran khas sebanyak RM500 pada hari ini. BKKA juga disalurkan kepada pesara kerajaan, termasuk veteran berpencen dan veteran tidak berpencen yang

menerima bayaran RM250.

“Kerajaan MADANI turut memperluaskan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) kepada lebih 70,000 guru KAFA, guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja dan marbut yang menerima sebanyak RM250 bagi menghargai khidmat bakti mereka.

“Bagi meringankan kos perjalanan rakyat yang akan pulang ke kampung sempena Aidilfitri, kerajaan mengumumkan diskaun tol 50 peratus untuk pengguna lebuhraya bermula jam 12.01 tengah malam ini hingga 11.59 malam Sabtu, 29 Mac,” katanya.